JABATAN AUDIT NEGARA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2/2026 MENGENAI:

1. **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2025**

2. **AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

3. **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI, AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2026 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 5 Oktober 2026 setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selaras dengan Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan.

2. LKAN 2/2026 terdiri daripada 15 naskhah meliputi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2025, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan serta Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri, Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

Memperkukuh Akauntabiliti dan Tadbir Urus Sektor Awam Pasca Pindaan Akta Audit 1957

3. Jabatan Audit Negara (JAN) terus memperkukuh peranannya sebagai Institusi Audit Negara yang bebas, profesional dan berintegriti. Pengauditan JAN pasca pindaan Akta Audit 1957 kini memberi tumpuan bukan sahaja kepada pematuhan, tetapi juga kepada isu signifikan dan berimpak bagi memastikan wang awam diurus secara berhemat, telus dan memberi manfaat kepada rakyat.

4. JAN turut memperluas capaian pengauditan melalui Sistem e-SelfAudit, dengan sebanyak 1,856 Badan Lain termasuk Syarikat Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri diaudit mulai tahun 2025. Pelaksanaan ini memperkukuh liputan pengawasan, ketelusan dan akauntabiliti entiti yang dipertanggungjawabkan mengurus kepentingan awam.

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan

5. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan disediakan menurut mandat Ketua Audit Negara di bawah Akta Audit 1957 [Akta 62]. Ianya disediakan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Jabatan Audit Negara yang dibangunkan berasaskan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI), setakat yang diterima pakai oleh JAN. Terdapat dua jenis pendapat Audit yang boleh diberikan terhadap Penyata Kewangan yang diaudit iaitu, **Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)** dan **Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)**.

6. **Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)** boleh mengandungi perenggan Penegasan Perkara (Emphasis of Matter - EOM) apabila terdapat perkara penting berkaitan Penyata Kewangan yang perlu dilaporkan untuk pemahaman pengguna. Perenggan Penegasan Perkara tidak mengubah Pendapat Tanpa Teguran dan tidak boleh ditafsirkan sebagai Pendapat Berteguran. Perenggan Hal-hal Lain turut dikeluarkan bagi merujuk perkara lain berkaitan tatakelola dan tadbir urus yang penting. Selain itu, perenggan Perkara Utama Audit boleh dikeluarkan meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus.

7. **Pendapat Diubah Suai (Modified Opinion)** diberikan terhadap Penyata Kewangan yang tidak menunjukkan keadaan benar dan saksama disebabkan terdapat salah nyata material dan Ketua Audit Negara menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Pendapat Diubah Suai terdiri daripada Pendapat Berteguran, Bertentangan dan Penafian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2025

8. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta disokong oleh rekod perakaunan yang teratur dan dikemas kini. Berdasarkan pengauditan yang dilaksanakan, Ketua Audit Negara telah memberikan **Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) berserta Perenggan Hal-hal Lain (Other Matters)** bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2025.

9. Prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2025 bertambah baik dengan peningkatan lebihan hasil sebanyak RM2.184 bilion dan pengurangan defisit sebanyak RM3.878 bilion berbanding tahun 2024. Nisbah defisit kepada KDNK turut menurun daripada 4.1% kepada 3.7% pada tahun 2025. Pencapaian ini lebih kukuh berbanding sasaran 3.8% yang ditetapkan dalam Belanjawan 2025. Ini meletakkan asas yang baik untuk mencapai sasaran defisit jangka masa sederhana di bawah 3%.

10. Kadar pertumbuhan hutang Persekutuan bagi tempoh lima tahun (2021 hingga 2025) menurun daripada 10.2% kepada 5.9%. Pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan juga menunjukkan perkembangan positif dengan pinjaman baharu menurun sebanyak 8.2%, iaitu daripada RM202.248 bilion pada tahun 2024 kepada

RM185.577 bilion pada tahun 2025. Penggunaan utama pinjaman baharu tersebut adalah untuk membayar balik prinsipal pinjaman terdahulu yang telah matang pada tahun 2025 berjumlah RM106.144 bilion dan pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM75.560 bilion bagi tujuan perbelanjaan projek-projek pembangunan.

11. Fokus utama pengauditan (*Key Audit Area*) dalam LKAN kali ini antara lain adalah berhubung Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut, Pembayaran Akaun Amanah Khas, Wang Pendahuluan Kontraktor, Akaun Belum Terima Kos Pengalihan Utiliti dan laporan pengurusan Projek *Littoral Combat Ship* (LCS) hasil pengauditan secara interim setakat Julai 2026.

Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut

12. Kutipan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut adalah rendah, iaitu hanya sejumlah RM0.465 bilion (5%) daripada RM9.273 bilion yang berjaya dikutip pada tahun 2025 dimana penstrukturan semula pinjaman perlu dibuat. Namun, tunggakan baharu masih berlaku walaupun pinjaman telah distruktur semula. Kerajaan Persekutuan juga telah menghapus kira sejumlah RM578.32 juta tunggakan bayaran balik yang terdiri daripada RM127.33 juta baki pokok belum selesai serta faedah dan faedah lewat berjumlah RM450.99 juta melibatkan 23 pinjaman pada tahun 2025. Ketua Audit Negara mengesyorkan Kementerian Kewangan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan, memperketat penilaian risiko serta menilai semula keberkesanan penstrukturan semula pinjaman.

Pembayaran Akaun Amanah Khas

13. Pembayaran elaun dan kemudahan menggunakan Akaun Amanah Kumpulan Wang Dius Api (KWDA) dan Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPL) berjumlah RM2.55 juta pada tahun 2025 telah dibuat tanpa punca kuasa yang sah kerana tidak dinyatakan dalam Akta Dius Api Persekutuan 1953 [*Akta 250*], Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan Akta Tatacara Kewangan [*Akta 61*]. Berdasarkan Akta Tatacara Kewangan [*Akta 61*], semua perkara hal ehwal kewangan Persekutuan yang tidak dinyatakan dalam akta/ordinan hendaklah diletak hak kepada Menteri Kewangan.

14. Susulan itu, Ketua Audit Negara mengesyorkan Jabatan Laut Malaysia supaya menghentikan serta-merta bayaran elaun dan kemudahan tersebut sehingga kedudukan tafsiran perundangan dan tatacara kewangan bagi setiap kategori pembayaran elaun dan kemudahan dimuktamadkan. Ketua Audit Negara turut mengesyorkan supaya Kementerian Kewangan menyemak semula pembayaran atau sebarang kemudahan yang dibayar melalui semua Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam.

Wang Pendahuluan Kontraktor

15. Baki Akaun Belum Terima (ABT) Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) berjumlah RM68.81 juta bagi 24 projek masih belum dikutip, dengan RM59.63 juta (86.7%) tertunggak melebihi 10 tahun. Sebahagian besar tunggakan melibatkan syarikat yang telah digulung atau dibubarkan, manakala kelewatan tindakan susulan turut menjejaskan usaha kutipan. Selain itu, baki WPK berjumlah RM5.67 juta bagi dua projek tidak dilaporkan sebagai ABT WPK, menyebabkan kedudukan sebenar ABT tidak tepat. Ketua Audit Negara mengesyorkan Kementerian berkaitan mengambil tindakan susulan dengan mengemukakan Borang Bukti Hutang kepada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi syarikat yang telah digulung, tindakan undang-undang terhadap syarikat yang masih aktif serta memastikan semua ABT WPK dilaporkan dengan segera.

Akaun Belum Terima (ABT) Kos Pengalihan Utiliti

16. Sehingga 31 Disember 2025, Akaun Belum Terima (ABT) bagi kos pengalihan utiliti berjumlah RM90.50 juta, dengan RM84.05 juta (92.8%) daripadanya telah melebihi 12 bulan. Bagaimanapun, sebanyak RM30.46 juta daripada jumlah tersebut tidak sepatutnya direkodkan sebagai ABT kerana melibatkan projek RMKe-10 yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan, manakala kerja pengalihan utiliti berjumlah RM63.16 juta bagi 11 projek masih belum dituntut walaupun tempoh enam bulan selepas pengeluaran Perakuan Siap Kerja (C*ertificate of Practical Completion* – CPC) telah berakhir. Keadaan ini menjejaskan ketepatan rekod dan pelaporan hasil Kerajaan serta meningkatkan risiko kelewatan mendapatkan semula bayaran balik kos pengalihan utiliti. Sehubungan dengan itu, Ketua Audit Negara mengesyorkan Kementerian Kerja Raya (KKR) supaya memastikan rekod ABT bayaran balik kos pengalihan utiliti disemak, disahkan dan dikemas kini secara berkala serta memastikan tuntutan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Projek *Littoral Combat Ship* (LCS)

17. Pengauditan ini dilaksanakan secara interim bertujuan untuk menilai pengurusan Projek LCS dari aspek kemajuan fizikal dan kewangan, pengurusan kontrak serta pembayaran berdasarkan terma kontrak dan peraturan yang berkuat kuasa. Pengauditan juga mengambil kira syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) melalui Laporan PAC Parlimen bertarikh 9 Oktober 2023 supaya Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap Projek LCS sebelum penyerahan LCS 1 kepada TLDM serta membentangkan hasil pengauditan tersebut di Parlimen.

18. Secara keseluruhannya setakat 25 Jun 2026, berlaku kelewatan kemajuan Projek LCS sebanyak 7.55% dengan kelewatan antara 30 hingga 108 hari. Kelewatan tersebut memberi risiko kepada Physical Hand Over (PHO) terawal LCS 1 yang dijadualkan pada 26 Ogos 2026 atau sasaran baharu pada 26 Disember 2026. Sekiranya PHO dilaksanakan pada kedua-dua tarikh tersebut, LCS 1 akan diserahkan tanpa mencapai keupayaan penuh kerana latihan serta sistem

persenjataan masih belum disempurnakan. Kesiapsiagaan penuh Projek LCS adalah bergantung kepada Kontrak Pelengkap yang hanya dapat disempurnakan pada bulan Disember 2035, iaitu melangkaui tempoh akhir Kontrak Utama pada 25 April 2030. Kelewatan PHO LCS 1 memberi kesan kepada tempoh PHO LCS 2 hingga LCS 5.

19. Bagi memastikan Projek LCS dapat disiapkan dan diserahkan pada tahap kesiapsiagaan yang ditetapkan, Kementerian Pertahanan disyorkan supaya menetapkan pelan tindakan pemulihan yang realistik bagi memastikan semua aktiviti kritikal Kontrak Utama dan Kontrak Pelengkap diselaraskan dengan jadual PHO LCS; memastikan sebarang penerimaan kapal secara bersyarat dengan menetapkan obligasi, tempoh penyempurnaan dan tanggungjawab Kontraktor yang jelas sehingga kapal mencapai keupayaan yang ditetapkan; serta memperkukuh pemantauan kemajuan projek termasuk penetapan pegawai bertanggungjawab dan tempoh penyelesaian bagi setiap isu kritikal sehingga projek berjaya disempurnakan.

Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

20. LKAN 2/2026 memberi fokus kepada beberapa projek infrastruktur utama negara, iaitu Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Selain itu, LKAN ini turut memberi tumpuan kepada Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok, Kelantan dan Program Pemuliharaan Pesisir Pantai.

21. Selaras dengan agenda pembangunan mampan negara, JAN turut menilai pencapaian program dan projek yang diaudit berdasarkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) berkaitan. Pendekatan ini membolehkan pengauditan menilai bukan sahaja aspek pematuhan dan prestasi projek, tetapi juga impak program dan projek Kerajaan kepada rakyat dan pembangunan mampan.

Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1

22. Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah Fasa 1 yang telah dirancang sejak tahun 2015 meliputi 35 pakej kerja sepanjang 706 kilometer masih belum disiapkan selepas lebih 10 tahun. Sehingga 31 Mac 2026, hanya empat pakej kerja (11.4%) dengan jumlah kos asal RM0.567 bilion telah disiapkan manakala baki 31 pakej kerja (88.6%) bernilai RM16.319 bilion masih dalam pelaksanaan. Daripada 31 projek dalam pelaksanaan, sebanyak sembilan pakej kerja merupakan projek sakit, 13 pakej kerja lewat jadual serta sembilan pakej kerja mendahului jadual.

23. Antara isu pengurusan projek yang dikenal pasti sebagai ketakteraturan serius ialah kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK) melebihi had kuasa berjumlah RM513.99 juta dan kelewatan tuntutan kos utiliti bagi projek siap berjumlah RM41.37 juta.

Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak

24. Setakat 31 Mac 2026, sebanyak 10 pakej kerja bagi Projek LPB Sarawak telah berjaya disiapkan sepenuhnya manakala satu pakej kerja iaitu WP11 berada pada tahap 99.9%. Pencapaian objektif projek LPB Sarawak belum dapat dinilai memandangkan projek belum siap sepenuhnya.

25. Pengauditan mendapati kelemahan dalam aspek pengurusan dan tadbir urus kontrak yang kurang cekap antaranya tuntutan pengalihan dan pemasangan semula utiliti belum dilaksanakan berjumlah RM1.780 bilion dan bayaran berjumlah RM32.07 juta telah dibuat bagi Sistem Maklumat Projek namun sistem tidak dapat diakses selepas tamat tempoh perjanjian.

Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok, Kelantan

26. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok masih belum disiapkan mengikut skop, tempoh, kos dan kualiti yang ditetapkan. Fasa 1 Projek PLSB mengalami kelewatan dan telah diluluskan Pelanjutan Masa (Extension of Time, EOT) sehingga 21 Julai 2027 berbanding tarikh siap dalam perjanjian tambahan pada 13 Ogos 2024. Selain itu, pelaksanaan Fasa 2 turut tertangguh akibat kelewatan proses perolehan.

27. Pihak Audit mengenal pasti kelemahan dalam aspek perancangan projek, penyelarasan antara agensi, pengurusan perubahan skop, pentadbiran kontrak, kawalan reka bentuk, pelaksanaan pembinaan dan pengurusan pelantikan perunding. Kelemahan tersebut telah menyebabkan berlakunya perubahan reka bentuk, peningkatan kos projek, kelewatan pelaksanaan, kerosakan struktur rumah pam, pembinaan struktur sementara serta ketidakpatuhan terhadap keperluan kontrak.

28. Sekiranya kelemahan ini tidak ditangani secara menyeluruh, objektif projek untuk menyediakan perlindungan banjir kepada Lembangan Sungai Golok, melindungi kawasan penempatan dan pertanian serta memperkukuh keselamatan kawasan sempadan berisiko terus tertangguh di samping meningkatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan.

Program Pemuliharaan Pesisir Pantai

29. Berdasarkan 10 projek siap, Program Pemuliharaan Pesisir Pantai seluruh negara telah mencapai objektif yang ditetapkan untuk melindungi kawasan pantai rentan dari hakisan, mengurangkan risiko banjir pantai dan menyediakan laluan pelayaran.

30. Namun pengauditan mendapati kelemahan dalam pelaksanaan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Kuala Nerus, Terengganu dengan kelewatan sebanyak 15.7% (144 hari) disebabkan kekurangan jentera dan ketiadaan aktiviti pembinaan di Breakwater No 1, 2, 3 dan 9 serta kelewatan kontraktor mendapatkan

kelulusan Environmental Impact Assessment (EIA) bagi skop *beach nourishment*. Bagi mengatasi isu ini, koordinasi antara pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) hendaklah diperkukuh agar Breakwater No. 7 dan 8 dapat disiapkan dengan segera sebelum musim Monsun Timur Laut bagi mengelakkan runtuhan jalan yang telah dibaiki.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri, Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

31. Kesemua 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 telah selesai diaudit. Enam negeri menerima Pendapat Tanpa Teguran, enam negeri menerima Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain, manakala satu negeri menerima Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain.

32. JAN telah mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara bagi 298 Agensi Negeri bagi tahun kewangan 2024 serta melaporkan hasil pengauditan prestasi terhadap 22 program/aktiviti Kerajaan Negeri. Selain itu, pengauditan terhadap Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri melaporkan hasil pelaksanaan pengauditan terperinci yang dilaksanakan secara berasingan terhadap 12 Syarikat Kerajaan Negeri melibatkan 11 Negeri iaitu Sabah, Sarawak, Selangor, Johor, Kedah, Pahang, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan. Terdapat isu signifikan yang menunjukkan beberapa kelemahan berkaitan aspek pematuhan tatakelola syarikat yang memerlukan perhatian pihak pengurusan dan Kerajaan Negeri.

Susulan Laporan Ketua Audit Negara

33. Semua isu yang dibangkitkan dalam LKAN dipantau secara berterusan melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (Auditor General's Dashboard – AGD) sehingga tindakan penyelesaian dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Sistem AGD telah ditambah baik sejak tahun 2024 dan menawarkan platform paparan susulan isu dan syor audit secara masa nyata. Sistem ini memberi maklumat terus kepada orang awam berkenaan status penyelesaian isu bagi setiap auditi yang telah diaudit. Portal AGD boleh dilayari di https://agdashboard.audit.gov.my/

34. Setakat 28 September 2026, sebanyak 12,117 atau 94.4% daripada 12,835 isu yang disusuli JAN telah berjaya diselesaikan. Tindakan susulan terhadap isu Audit telah menyumbang kepada kutipan hasil dan bayaran balik kepada Kerajaan berjumlah RM920.91 juta, antaranya melalui penalti, sewa tertunggak, Liquidated Ascertained Damages (LAD), tunggakan pajakan tanah serta kutipan duti dan cukai.

Penutup

35. Ketua Audit Negara telah mengemukakan sebanyak 38 syor Audit melalui LKAN 2/2026 untuk dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan yang diaudit di peringkat Persekutuan. Semua syor yang dilaporkan dalam LKAN boleh diakses melalui Portal AGD. LKAN 2/2026 melaporkan sejumlah 650 isu dalam AGD yang melibatkan 347 isu yang masih disusul, 23 isu yang telah selesai dan 280 isu yang tidak memerlukan tindakan lanjut (NFA).

36. LKAN 2/2026 boleh diakses melalui laman web JAN dan AGD mulai **5 Oktober 2026, pukul 10.00 pagi**, bagi membolehkan rakyat mengikuti dapatan Audit serta status tindakan susulan secara telus.

37. Ketua Audit Negara terus bebas dan tegas dalam memberikan pendapat Audit serta melaporkan penemuan tanpa kompromi. LKAN bukan sekadar merekodkan kelemahan, tetapi menjadi instrumen untuk mendorong tindakan pembetulan, memperkukuh tadbir urus dan memastikan setiap ringgit wang awam dipertanggungjawabkan demi kepentingan rakyat.

#AuditTelusBerkhidmat
#LKANUntukRakyat
#TransparensiAudit
#suaraaudit
#e-SelfAudit
#AGDashboard

DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI
KETUA AUDIT NEGARA
5 OKTOBER 2026